

ILHAM KREATIF

Semenanjung Malaysia RM9.00

Sabah/Sarawak RM11.00

Nov 2010

SENIBERKAS



**KEMBALI
MENGGAJIB
NOSTALGIA**

**RIMBUN MENEDUHI
SEKEPING SERENDAH**

**Tip Memilih
WARNA RUMAH**

INSPIRASI Alam



977298515040051

kembali MENGGAMIT NOSTALGIA

TULISAN: YUSNELLY YAHYA
FOTOGRAFI: DP STUDIO

POHON BESAR NAN MERIMBUN, KEHIJAUAN MENGGELINGI PERSEKITARAN SERTA HALAMAN YANG LUAS BENAR-BENAR MEMBANGKITKAN NOSTALGIA LAMA. RASA RINDU PADA SUASANA DESA SEMAKIN MEMBARJA. RUMAH KAMPUNG TRADISIONAL MELAYU, MILIK BAHARUM MOHD AMIN DAN PUAN ALMAZ SALMA ABDUL RAHIM, MERUPAKAN KESINAMBUNGAN WARISAN MELAYU DALAM GABUNGAN UNSUR-UNSUR KAYU DAN BATU MEMBANGKITKAN KECINTAAN TERHADAP PERSEKITARAN ALAM SEMULAJADI.




Bumbung tradisional melayu tersergam indah menaungi ruang tempat letak kereta. Penggunaan kayu begitu jelas dan ketara, dari lantai kepada struktur tiang dan alang, bidai, tingkap panjang, dek dan juga perabot luar.



Melangkah masuk ke rumah, anda pasti terpegun dengan konsep binaan dalamnya. Sebuah kolam tanpa bumbung direka di tengah-tengah ruang tumpu keluarga. Terletak pada sisi ruang dapur, ruang istirahat, ruang makan dan laluan koridor yang menuju ke bilik tidur. Curahan air yang keluar dari pancurannya terasa begitu menyegarkan. Motif daun keladi dijadikan hiasan panel dekoratif.




Laluan koridor menuju ke bilik tidur, dihiasi dengan bingkai gambar hasil lukisan Soraya, anak Puan Almaz yang menggemari kecantikan bunga-bunga.



Bunga-bunga yang ditanam di sekitar rumah boleh dijadikan hiasan dan aroma untuk mewangikan ruang.

TINGKAP PANJANG
DAN BIDAI KAYU
DARI ISTANA LAMA
PAHANG MENYALURKAN
PENGUDARAAN SEGAR
DI BILIK TIDUR.



Tiga bilik air berkonsep moden dicantumkan dan berkongsi pokok yang meneduhi ruang. Jubin bilik air merupakan jubin yang diperolehi dari rumah lama Melaka, manakala bilik air utama lebih kepada percutian resort.





Binaan kabinet dapur diperbuat dari lebihan kayu cengal manakala bahagian atasnya menggunakan batu marmor yang diimport dari Itali. Pencahayaan luaran serta kebiruan air kolam turut mengindahkan suasana dapur berpulau ini.



Ruang istirahat dihiasi dengan warna-warna lembut dan ceria. Pencahayaan memasuki ruang dari semua arah. Binaan kalam di tengah-tengah turut menyejukkan rumah, jika tempas dek hujan, pintu gelangsar akan ditarik mengelakkan ruang dari basah. Susunan kayu dan alang bumbung nampak menarik dan unik, ditambah pula dengan elemen cermin supaya ruang tidak nampak tersekat tetapi bersambung dengan ruang lain di sebelahnya. Ini membuatkan strukturnya menjadi lebih estetik.

Gaya kerusi pelbagai saiz di meja makan memberikan kelainan pada dekorasi ruang. Hanya tukarkan sarung kusyen untuk mendapatkan mood suasana, ditambah pula dengan candelier unik dari kayu yang merupakan ilham ciptaan anak Puan Almaz. Batu-batu kristal dibeli menerusi internet dan dipasang sendiri oleh Puan Almaz dan anak-anaknya dan ini merupakan kerjatangan yang begitu halus dan berseni sekaligus mencuri tumpuan tetamu.



ANTARA HIASAN PENYERI RUANG



Puan Almaz Salma VII